LJMS
2017, 11

Labuan e-Journal of Muamalat and Society

POLEMIK MASYARAKAT MUSLIM DI MALAYSIA: MEMAHAMI PERANAN "*ISLAMIC MEDICINE*" PASCAMODENISME

Mohd Farhan Md Ariffin[1*], Khadher Ahmad[2], Ahmad Za'im Sabirin Mohd Yusoff[3]

[1] *Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya*
[2] *Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya*
[2] *Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya*

ABSTRACT

Bermula akhir tahun 1960, para pemikir Islam mula memperkenalkan konsep "*Traditional Arabic and Islamic Medicine"* (TAIM) sebagai alternatif model "*bio-medical*" bawaan Barat. Pada awalnya, perkembangannya dilihat berdaya maju. Namun sehingga kini "*Islamic Medicine*" masih belum tampil sebagai model penjagaan kesihatan secara komprehensif di mana-mana negara dibandingkan model kesihatan edisi *Western*. Justeru, artikel ini akan menilai polemik masyarakat berkenaan aspek "*functional*" perubatan alternatif berteraskan Islam di Malaysia. Berdasarkan edaran borang soal selidik kepada 379 orang pesakit yang mengunjungi 70 pusat rawatan Islam sekitar Malaysia, kajian mengaplikasikan pendekatan analisis data kuantitatif menggunapakai perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 16.0. Hasil kajian mendapati wujud polemik apabila membicarakan fungsi rawatan alternatif berteraskan Islam. Dari satu sudut, "*Islamic Medicine*" lebih berperanan kepada masyarakat Muslim di Malaysia berbanding perubatan alternatif lain. Kepentingannya dalam merawat penyakit tidak dapat dinafikan. Dari sudut lain, peranan "*Islamic Medicine*" di Malaysia adalah terbatas disebabkan dua faktor; (1) Masyarakat Muslim hanya memilih cara rawatan alternatif disebabkan tidak berpuas hati dengan kaedah rawatan konvensional (*bio-medial Barat*) didorong kewujudan pelbagai jenis penyakit yang sukar dikesan dan tidak mampu disembuhkan dengan cara moden; (2) hanya rawatan berkaitan masalah *spiritual* yang menjadi tumpuan rujukan kepada "*Islamic Medicine."* Persepsi sederhana responden turut dapat diperhatikan pada dua perkara; (1) peranan perubatan alternatif Islam dalam rawatan penyakit fizikal tidak diberi penekanan; (2) proses "*takeover*" fungsi institusi kesihatan moden dianggap tidak wajar oleh masyarakat. Diharapkan penelitian ini berguna sebagai langkah awal pemerkasaan peranan perubatan alternatif Islam sesuai dengan keperluan masa kini.

Keywords: Perubatan Alternatif Islam, Kepentingan, Fungsi, Persepsi, Interak

* Corresponding author: Mohd Farhan Md Ariffin is a PhD candidate, Department of al-Quran & al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. E-mail: al.muqarrobiin@gmail.com

Pengenalan

Perubatan komplimentari dan alternatif (*Complementary Alternative Medicine*) turut dikenal sebagai *non-conventional medicine* merujuk kepada satu set cara alternatif bagi penjagaan kesihatan (Esther Walcott, 2004). *Complementary Alternative Medicine* (CAM) tidak berkaitan dengan tradisi sesebuah negara atau mempunyai integrasi dengan sistem penjagaan kesihatan dominan sesebuah negara. CAM terdiri daripada perubatan herba, akupuntur, yoga, *Taichi*, *Qigong*, meditasi, terapieutik, homeopati, *Islamic Medicine* dan sebagainya. Faktanya, CAM diaplikasikan secara meluas di negara-negara membangun terutamanya rantau Amerika Utara, Eropah dan Australia (Xu Hao & Chen Ke-Ji, 2012). Manakala *Traditional Medicine* (TM) kebiasaannya dikaitkan dengan Afrika, Amerika Latin dan Asia Tenggara (Salim M Adib, 2004; Timmermans & Karin, 2001).

Menjelang 1990-an, didapati CAM mula berkembang ke 21ltern-negara membangun. Hasilnya lebih 70% populasi di negara membangun bergantung kepada CAM, terutamanya penduduk kawasan desa di mana budaya kepercayaan dan praktik setempat lazimnya melakukan penjagaan diri sendiri (*self-care*) melalui ubat-ubatan alternatif atau khidmat nasihat perawat tradisional (*traditional healer*) (Hassan Azaizeh, Bashar Saad, Edwin Cooper & Omar Said, 2010).

Tinjauan *National Health* terhadap 32,800 orang penduduk Amerika pada tahun 2007, mendapati lebih 38.2% responden yang berumur 18 tahun ke atas serta 12% responden yang berumur 17 tahun ke bawah menggunakan perubatan berasaskan CAM dalam masa 12 bulan sebelumnya (John A. Astin, 1998).

Di Malaysia, dianggarkan sekitar $500 juta dolar diperuntukkan rakyat Malaysia untuk CAM. Ini membuktikan CAM bukan sahaja signifikan dalam rawatan, bahkan turut berkembang pesat (Xu Hao & Chen Ke-Ji, 2012). Dianggarkan pada tahun 2014, terdapat lebih 100 pusat rawatan alternatif Islam berdaftar berkonsepkan CAM telah wujud di seluruh Malaysia (Khadher Ahmad, *et.al*. 2013; Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin, 2013).

Senarai Pusat Rawatan Alternatif Berteraskan Islam Di Malaysia

Pusat-pusat rawatan 21lternative Berteraskan Islam yang menjadi subjek kajian merangkumi semua negeri seluruh Malaysia kecuali Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Senarai tersebut boleh dilihat dalam jadual di bawah :-

Selangor Darul Ehsan

1. Pusat Rawatan Islam Al-Manarah
2. Persatuan Kebajikan & Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa')
3. Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia
4. Pusat Rawatan Islam IQ Insan
5. D'Urut Hanafi
6. Pusat Rawatan Islam Sepohon Jadi (PRAWIS)
7. Pusat Rawatan Alternatif Rumah ~ Sihat (Bekam Terapi Moden Malaysia)
8. Pusat Rawatan Islam Nur Muhammad
9. Pusat Perubatan Islam Kasturi
10. El-Fesfanji Islamic Traditional Medicine
11. Pusat Rawatan Islam Sinar Zamdurrani
12. Pusat Rawatan Alternatif Nur Islam (PUSRANI)
13. Thibbun Nabawi Healing Centre
14. Pusat Terapi Hikmah (Kedai Bekam & Resdung)

Perak Darul Ridzuan

1. Pusat Rawatan Islam & Tarbiah Ilmu Darun Nuraniyyah
2. Pusat Rawatan Al-Quran, Akupuntur, Bekam, Homeopati Ar-Ridhwan
3. AZBUDI Pusat Perubatan Homeopati & Naturopati
4. Pusat Rawatan Islam Al-Taqwa
5. Pusat Rawatan Islam Ruqyah Isra'

Terengganu Darul Iman

1. Pusat Rawatan Islam Al-Madani (PRIA)
2. Pusat Rawatan Ikhtiar Darul Syifa' (PURIDAS)
3. Pusat Perubatan Holistik & Alternatif
4. Pusat Rawatan Komplimentari Al-Syufia: Bekam & Refleksologi
5. Pusat Rawatan Islam Darul Manzil

15. Pusat Rawatan Islam: Penawar Sihir & Saka
16. Pusat Bekam Sunnah: Nurul Sunnah Entreprise
17. Pusat Rawatan Traditional Aura Nusantara
18. Pusat Rawatan Islam Al-Hidayah
19. Pusat Rawatan Komplimentari Islam Yashfien
20. Pusat Rawatan Kasturi Syifa'
21. Ismak (Islamic Medicine of Al-Kausar) Ruqyah
22. Pusat Rawatan Islam Darul Ruqiyyah
23. Akademi Rawatan Islam Nur Ehsan (AKRINE)
24. Nan S Spa Centre (Pusat Rawatan Bekam Nans)
25. Kumpulan Perawat Bandar tasik Puteri Rawang Selangor (PEBATAP)
26. Mohd Baitussyifa' (Rawatan Traditional Secara Islam

Kedah Darul Aman

1. Pusat Rawatan Islam Al-Mustaqim
2. Pusat Rawatan Alam Ghaib
3. Azlina Terapi Tradisional (138 Beauty Centre)
4. Pusat Rawatan Aura Zikir
5. Pusat Rawatan Qalbun Sakinah
6. Pusat Rawatan Alternatif Aura Nur Hikmah
7. Pusat Rawatan Tradisional Jabal Nur
8. Pusat Rawatan Amal
9. Pusat Rawatan Terapi Al-Quran Darul Hikmah
10. Pusat Terapi Ruqyah Syar'iyyah

Melaka Negeri Bersejarah

1. Pusat Rawatan Aura Syifa'
2. Pusat Perubatan Islam 7 Puteri
3. Pusat Rawatan Islam Al-Fatah (TIAF)
4. Pusat Rawatan Alternatif Rohaimi

Negeri Sembilan Darul Khusus

1. Pusat Perubatan Traditional Delima Nurrun Nubuwwah
2. Pusat Rawatan Ruhaniah
3. Pusat Rawatan Islam At-Tobibi (RIDAM)
6. Pusat Rawatan Islam Badan Ukhwah Darul Iman – (BUDI Losong)

Kelantan Darul Naim

1. Pusat Rawatan Tradisional Al-Tunjuniah Al-Fununiah
2. Pusat Rawatan Tradisional Khairey
3. Pusat Rawatan Tradisional & Bekam
4. Pusat Rawatan Walinur Syifa'
5. Pusat Rawatan Qalbun Asrar

Pahang Darul Makmur

1. Pusat Rawatan Islam Kiswah: Terapi Ruqyah Syar'iyyah
2. Pusat Rawatan As-Syifa'

Perlis Indera Kayangan

1. Pusat Perubatan Islam Al-Islah

Johor Darul Takzim

1. Pusat Rawatan Alternatif Tradisional Salleh
2. Pusat Rawatan Islam Shah Misteri
3. Baitul Syifa' Kersani (Kersani Training & Consultancy)
4. Pusat Terapi Islam Al-Barokah
5. Pusat Rawatan Islam TAPEDIRI 65 (Taqwa, Pertahanan Diri & Rawatan Islam)
6. Pusat Rawatan Darul 'Illaj (Pusat Rawatan Islam & Homeopati)
7. Pusat Perubatan Ahmadiah Sufi
8. Pusat Rawatan Islam Permata Syifa' (Rawatan Bekam Moden & Terapi Herba)

Skop Dan Metodologi

Artikel ini bertujuan menilai prospek peranan rawatan alternatif berteraskan Islam dari kaca mata masyarakat Muslim di Malaysia. Responden kajian terdiri daripada 379 orang pesakit beragama Islam yang mengunjungi 70 pusat rawatan alternatif Islam seluruh negara. Semua pesakit yang mengunjungi pusat-pusat rawatan alternatif Islam tersebut telah dinilai persepsi mereka berhubung isu-isu berbangkit.

Pengumpulan data adalah menggunakan set borang soal selidik. Sebelum itu, kajian rintis telah dijalankan terhadap 100 orang pesakit untuk menilai tahap kebolehpercayaan borang soal selidik tersebut. *Cronbach's Alpha* yang diperoleh daripada hasil borang soal selidik tersebut adalah .720. Jumlah tersebut lebih besar daripada julat ditetapkan (0.6). Justeru, *validity* borang kaji selidik adalah diperakui.

Reliability Statistic

Cronbach's Alpha	*N of Items*
.720	31

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Setelah itu, data akan dianalisis menggunapakai metode *frequency* (jadual kekerapan) dan *crosstabulation* (jadual rujuk silang) melalui perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Ini bagi memastikan data dapat dianalisis dan diolah dengan baik serta memahami signifikan respons.

Seterusnya bagi analisis soalan skala bahagian C, pengkaji menggunakan 5 skala mata, iaitu *Sangat Tidak Setuju*, *Tidak Setuju*, *Sederhana Setuju*, *Setuju* dan *Sangat Setuju*.

Skala Jawapan	*Tahap Persepsi*	*Julat Skor*
▪ Sangat Tidak Setuju ▪ Tidak Setuju	Rendah	1.00-2.33
▪ Setuju	Sederhana	2.331-3.66
▪ Sederhana Setuju ▪ Sangat Setuju	Tinggi	3.661-5.00

Daripada skala tersebut, ditetapkan tiga kategori tahap penilaian seperti dalam jadual di atas; iaitu persepsi *Rendah*, *Sederhana* dan *Tinggi*. Oleh demikian, pengkaji dapat menyimpulkan kaitan skala jawapan dengan tahap persepsi responden.

Dapatan Kajian

Satu kajian telah dijalankan pada pertengahan tahun 2013 di tujuh puluh (70) buah pusat rawatan alternatif Islam seluruh Malaysia bagi mendapatkan maklumat persepsi masyarakat Muslim terhadap rawatan alternatif berteraskan Islam.

Bahagian A: Demografi Responden

Jadual 1: Demografi Responden

Latar Belakang Responden		*Kekerapan*	*Peratusan*
Jantina	Lelaki	199	52.5
	Perempuan	180	47.5
	Jumlah	379	100.0
Umur	17 tahun ke bawah	9	2.4
	18 tahun - 29 tahun	127	33.5
	30 tahun - 40 tahun	92	24.3
	41 tahun - 50 tahun	71	18.7
	51 tahun ke atas	80	21.1
	Jumlah	379	100.0
Status	Belum berkahwin	136	35.9
	Berkahwin	215	56.7
	Duda/Janda	28	7.4
	Jumlah	379	100.0
Taraf Pendidikan Tertinggi	Sekolah Rendah	27	7.1
	Pondok/Pesantren	14	3.7
	Sekolah Menengah	129	34.0
	IPT Dalam Negara	175	46.2
	IPT Luar Negara	33	8.7
	Lain-lain	1	0.3

	Jumlah	379	100.0
Pekerjaan	Kerajaan	105	27.7
	Badan Berkanun	31	8.2
	Swasta	100	26.4
	Bekerja Sendiri	61	16.1
	Tidak Bekerja	55	14.5
	Pelajar	27	7.1
	Jumlah	379	100.0

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Bahagian B: Interaksi Responden Terhadap Rawatan Alternatif Berteraskan Islam Di Malaysia

Jadual 2: Pengetahuan Dan Interaksi Responden Terhadap Rawatan Alternatif Berteraskan Islam Di Malaysia

Bil.	*Soalan*	*Pilhan Jawapan*	*Kekerapan*	*Peratusan*
B1	Pengetahuan tentang kewujudan pusat rawatan alternatif berteraskan Islam di Malaysia	Ya	368	97.1
		Tidak	11	2.9
B2	Pernah mendapatkan khidmat rawatan penyakit di pusat-pusat rawatan alternatif	Ya	346	91.3
		Tidak	33	8.7
B3	Jenis pusat rawatan alternatif yang dirujuk	Rawatan Berteraskan Islam	318	83.9
		Pusat Rawatan Bekam	26	6.9
		Rawatan Tradisional (Bomoh, dukun)	32	8.4
		Pusat Rawatan Allopati	1	0.3
		Lain-lain	2	0.5
B4	Jenis khidmat rawatan yang biasa dirujuk di pusat rawatan alternatif	Gangguan makhluk halus	312	82.3
		Penyakit fizikal	34	9.0
		Penyakit jiwa atau mental	28	7.4
		Lain-lain	5	1.3
B5	Bagaimana mengetahui lebih lanjut berhubung dengan pusat rawatan alternatif berteraskan Islam di Malaysia	Media Massa	100	26.4
		Media Elektronik	55	14.5
		Iklan papan tanda	25	6.6
		Rakan/keluarga	174	45.9
		Usaha sendiri	25	6.6

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Bahagian C: Persepsi Terhadap Prospek Peranan Rawatan Alternatif Berteraskan Islam Di Malaysia

Jadual 3: Persepsi Responden Terhadap Peranan Rawatan Alternatif Berteraskan Islam Di Malaysia

Bil.	*Soalan*	*Pilhan Jawapan*	*Kekerapan*	*Peratusan*
C1	Faktor pendorong rujukan kepada khidmat rawatan alternatif berteraskan Islam	Kesukaran hospital/klinik untuk mengubati pesakit /penyakit	133	35.1
		Lebih yakin dengan pendekatan rawatan Islam	96	25.3
		Mencuba sesuatu yang baru	40	10.6
		Desakan keluarga atau rakan	24	6.3
		Kemahuan sendiri	84	22.2
		Lain-lain	2	.5
C2	Pusat rawatan alternatif berteraskan Islam memainkan peranan penting sepertimana hospital dan klinik	Sangat Tidak Setuju	8	2.1
		Tidak Setuju	20	5.3
		Setuju	126	33.2
		Sederhana Setuju	92	24.3
		Sangat Setuju	133	35.1
C3	Pusat rawatan alternatif Islam hanya sesuai untuk mendapatkan khidmat rawatan penyakit yang melibatkan makhluk halus sahaja	Sangat Tidak Setuju	70	18.5
		Tidak Setuju	150	39.6
		Setuju	72	19.0
		Sederhana Setuju	50	13.2
		Sangat Setuju	37	9.8
C4	Penyakit fizikal seperti demam, sakit kepala, kencing manis, lemah jantung dan lain-lain turut dirawat di pusat rawatan alternatif berteraskan Islam	Sangat Tidak Setuju	4	1.1
		Tidak Setuju	21	5.5
		Setuju	151	39.8
		Sederhana Setuju	109	28.8
		Sangat Setuju	94	24.8
C5	Pusat rawatan alternatif Islam boleh mengambil alih peranan hospital dan klinik dalam rawatan penyakit	Sangat Tidak Setuju	17	4.5
		Tidak Setuju	90	23.7
		Setuju	123	32.5
		Sederhana Setuju	85	22.4
		Sangat Setuju	64	16.9

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Seterusnya pengkaji turut mengaplikasikan analisis secara rujuk silang bagi mengkaji signifikan demografi responden dengan soalan C1, dapat dilihat pada dua jadual berikut;

Jadual 4: Analisis *Crosstabulation* antara taraf umur dan soalan C1

		Apakah faktor yang mendorong anda merujuk kepada khidmat rawatan alternatif berteraskan Islam						
		Kesukaran pihak hospital atau klinik untuk mengubati pesakit/penyakit	Lebih yakin dengan pendekatan rawatan Islam	Mencuba sesuatu yang baru	Desakan ahli keluarga atau rakan	Kemahuan sendiri	Lain-lain	Jumlah
Umur	17 tahun ke bawah	3	1	1	0	4	0	9
	18 tahun-29 tahun	46	39	20	10	12	0	127
	30 tahun-40 tahun	37	25	7	4	19	0	92
	41 tahun-50 tahun	22	14	4	8	22	1	71
	51 tahun ke atas	25	17	8	2	27	1	80
	Jumlah	133	96	40	24	84	2	379

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi responden terdiri dari golongan berumur 18-29 tahun lebih banyak memilih kesukaran pihak hospital atau klinik untuk mengubati pesakit/penyakit tertentu sebagai faktor pendorong merujuk kepada khidmat rawatan alternatif berteraskan Islam. Kecenderungan sama turut diikuti golongan responden berumur 17 tahun ke bawah dan 30-40 tahun.

Berbeza dengan responden berumur 41-50 tahun dan 51 tahun ke atas. Kelompok tersebut lebih banyak memilih kemahuan sendiri sebagai faktor pendorong merujuk kepada khidmat rawatan alternatif berteraskan Islam.

Jadual 5: Chi-Square Tests

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	38.734[a]	20	.007
Likelihood Ratio	41.376	20	.003
Linear-by-Linear Association	9.695	1	.002
N of Valid Cases	379		

a. 11 cells (36.7%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .05.

Signifikannya, Chi Square test (*Pearson Chi-Square*) menunjukkan keputusan χ^2= 38.734, df=20, p <0.05 yang mana keputusan tersebut mempunyai signifikan antara umur dengan soalan C1. Angka standard residual adalah kecil (0.1-1.0). Perbezaan di antara nilai komputer dan nilai jangkaan menerima hipotesis null. Kesimpulannya umur responden mempengaruhi pemilihan jawapan C1.

Selain itu, pengkaji turut mengkaji signifikan demografi responden dengan soalan C4, dapat dilihat pada dua jadual berikut;

Jadual 6: Analisis *Crosstabulation* antara taraf pendidikan dan soalan C4

Penyakit fizikal seperti demam, sakit kepala, kencing manis, lemah jantung dan lain-lain turut dirawat di pusat rawatan alternatif berasaskan Islam							
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sederhana Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
Taraf Pendidikan Tertinggi	Sekolah Rendah	0	1	12	9	5	27
	Pondok/ Psantren	0	1	5	5	3	14
	Sekolah Menengah	1	12	55	26	35	129
	IPT Dalam Negara	2	5	65	60	43	175
	IPT Luar Negara	1	1	14	9	8	33
	Lain-lain	0	1	0	0	0	1
	Jumlah	4	21	151	109	94	379

Dalam jadual tersebut, taburan tertinggi responden terdiri dari golongan berpendidikan dari IPT dalam negara majoriti "setuju" penyakit fizikal seperti demam, sakit kepala, kencing manis, lemah jantung dan lain-lain turut dirawat di pusat rawatan alternatif berasaskan Islam dengan jumlah 65 orang. Ini diikuti 60 "sederhana setuju" dan 43 "sangat setuju. Seterusnya, kelompok kedua tertinggi dari golongan berpendidikan sehingga sekolah menengah, seramai 55 orang mengatakan "setuju", 26 orang "sederhana setuju" dan 35 orang "sangat setuju". Taburan terendah responden yang pendidikan lain-lain berjumlah seorang memilih "tidak setuju" terhadap kenyataan berikut.

Jadual 7: Chi-Square Tests

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	32.234[a]	20	.041
Likelihood Ratio	21.314	20	.379
Linear-by-Linear Association	.182	1	.670
N of Valid Cases	379		

a. 15 cells (50.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .01.

Chi Square test (*Pearson Chi-Square*) menunjukkan keputusan χ^2= 32.234, df=20, p <0.05 yang mana keputusan tersebut mempunyai signifikan antara taraf pendidikan dengan soalan C4. Angka standard residual adalah kecil (0.1-1.0). Perbezaan di antara nilai komputer dan nilai

jangkaan menerima hipotesis null. Kesimpulannya taraf pendidikan responden mempengaruhi pemilihan jawapan C4.

Perbincangan Kajian

Berdasarkan dapatan, majoriti responden pernah mendapatkan khidmat rawatan alternatif dan mengetahui kewujudan pusat rawatan alternatif berteraskan Islam di Malaysia. Malah, pusat rawatan alternatif berteraskan Islam merupakan pusat rawatan yang sering dirujuk. Ini membuktikan perubatan alternatif berteraskan Islam berperanan penting kepada masyarakat Muslim di Malaysia berbanding perubatan alternatif lain.

Peratusan tertinggi responden turut berpandangan "*sangat bersetuju*" dengan kepentingan peranan pusat rawatan alternatif berteraskan Islam sepertimana hospital dan klinik. Ini sekaligus memperlihatkan persepsi yang tinggi dalam kalangan responden dan tidak boleh menafikan "*vitality*" peranan pusat rawatan alternatif Islam dalam merawat penyakit.

Tahap persepsi tinggi dalam kalangan responden turut dapat diperhatikan apabila peratusan tertinggi responden mengatakan "*tidak setuju*" bahawa pusat rawatan alternatif Islam hanya sesuai untuk mendapatkan khidmat rawatan penyakit yang melibatkan makhluk halus sahaja. Justeru, ini menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap potensi peranan pusat rawatan alternatif Islam yang lebih luas dari kebiasaannya.

Walaubagaimanapun, masih berlaku polemik berhubung peranan pusat rawatan alternatif Islam berikutan pemahaman sempit sebahagian anggota masyarakat. Signifikan peranan pusat rawatan alternatif berteraskan Islam di Malaysia dilihat lebih dipengaruhi atas dua faktor iaitu:

(1) Diperlukan atas dasar kesukaran pihak hospital atau klinik untuk mengubati pesakit atau penyakit tertentu. Persepsi responden dalam perkara ini terdiri dari dua bahagian. Kelompok pertama (*responden berumur 17 tahun ke bawah-40 tahun*) memilih kesukaran pihak hospital atau klinik untuk mengubati pesakit/penyakit tertentu sebagai faktor pendorong merujuk kepada khidmat rawatan alternatif Islam. Manakala kelompok kedua (*responden berumur 41 tahun-51 tahun ke atas*) memilih kemahuan sendiri untuk mendapatkan khidmat rawatan Islam sebagai faktor pendorong. Jadi, faktor umur mempunyai signifikan tersendiri dalam hal ini.
(2) Dirujuk apabila melibatkan fungsi kebiasaannya (*normal function*) sebagai penyelesai masalah penyakit spiritual (gangguan makhluk halus).

Seterusnya, persepsi tahap sederhana responden dapat diperhatikan pada dua perkara:

(1) Persepsi responden terhadap peranan perubatan alternatif Islam dalam rawatan penyakit fizikal seperti demam, sakit kepala, kencing manis, lemah jantung dan lain-lain adalah pada tahap sederhana. Ini membuktikan responden tidak kira dari mana-mana latar belakang pendidikan tidak mengetahui lebih lanjut akan skop peranan lebih komprehensif boleh dimainkan rawatan alternatif Islam di Malaysia. Sesuatu perlu dilakukan dalam hal ini. Permintaan masyarakat terhadap CAM semakin meningkat saban tahun. Keterbatasan peranan perlu dihapuskan untuk menyerlahkan skop rawatan lebih menyeluruh dalam perlaksanaan CAM. Hal ini perlu diperkukuh dengan memberi penekanan kepada rawatan fizikal di pusat-pusat rawatan alternatif Islam.
(2) Pusat rawatan alternatif Islam boleh mengambil alih peranan hospital dan klinik dalam rawatan penyakit. Proses "*takeover*" fungsi institusi kesihatan moden dianggap tidak wajar oleh masyarakat. Ini mungkin dinilai berasaskan beberapa faktor. Antaranya berkait latar belakang pendidikan dan pengalaman perawat alternatif yang sulit diukur tahap kecekapan, keberhasilan pengesanan dan rawatan penyakit yang lebih *thabit* dengan alatan moden serta keberadaan hospital dan klinik kesihatan yang lebih *multi-fungsi* pada masyarakat.

KESIMPULAN DAN SARANAN

"*Islamic Medicine Pascamodenisme*" diperakui berperanan kepada masyarakat di Malaysia. Sehubungan itu, persepsi sederhana disertai polemik terhadap peranan pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia wajar ditangani secara berkesan.

Kaedah pertama yang harus digerakkan ialah memberi ilmu dan kesedaran kepada masyarakat terhadap potensi peranan lebih luas dimiliki "*Islamic Medicine*." Kaedah kedua pula memastikan keberkesanan (*efficacy*), keselamatan (*safety*) dan kawalan kualiti (*quality control*) aspek rawatan yang menjadi bahan cemuhan pakar perubatan professional dapat dibuktikan serta diperakui oleh pihak berwajib. Seterusnya, semua pihak terlibat perlu menjalin kerjasama untuk memperkasakan peranan "*Islamic Medicine*". Dengan perlaksanaan perkara tersebut, "*Islamic Medicine*" bakal mencapai sasaran menjadi "*mainstream*" dalam rawatan penyakit di Malaysia dan bukan lagi "*last choice*."

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah hasil penyelidikan dalam Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) di bawah projek *"Indeks Patuh Syariah Pengubatan Alternatif Islam Di Malaysia"* bernombor FP025-2015A.

REFERENCES

Esther Walcott. (2004). Seni Pengobatan Alternatif: Pengetahuan dan Persepsi, *Kerja Kursus Program Australian Consortium for In Country Indonesia Studies* (ACICIS). Malang, Indonesia: Universitas Muhammadiyah.

Hassan Azaizeh, Bashar Saad, Edwin Cooper & Omar Said. (2010). Traditional Arabic and Islamic Medicine, A Re-Emerging Health Aid, *eCAM*, 7(4). 419–424.

Hossain, D.M., *et.al.* (2014). Earnings Management And Islam. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society,* 8(2014), 87-97.

John A. Astin. (1998). Why Patients Use Alternative Medicine: Results of A National Study. *JAMA*, 279(19), 1548- 1553.

Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. (2013). Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam: Analisis Perkembangan Dan Hala Tujunya Di Malaysia. *Jurnal ILIM*: Institut Latihan Islam Malaysia, Vol. 6, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Malaysia.

Khadher Ahmad, *et.al.* (2013). Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. *Global Journal Al-Thaqafah*, Vol. 4, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Malaysia.

Mohamad Zaim, I., Mohd Farhan, M.A., *et.al.* (2013). Zakat Pertanian Di Malaysia: Satu Kajian Pemerkasaan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society,* 7(2013), 33-47.

Muhammad UzairGamal, A.N., & Luqman, A. (2015). Fatwa-Fatwa Zakat Di Negeri Perak: Satu Analisa. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 9 (2015). 75-91.

Rudy, A.R., *et.al.* (2016). Pendorong Dominan Dan Sub Dominan Kejayaan Kerjaya Ekspatriat Akademik Di Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society,* 10(2016), 77-85.

Salim M Adib. (2004). From The Biomedical Model To The Islamic Alternative: A Brief Overview Of Medical Practices In The Contemporary Arab World. *Social Science and Medicine,* 58(4), 697-702.

Timmermans & Karin. (2001). CBD and Traditional Medicines: Concepts and Questions. *ASEAN Workshop: TRIPS*, Jakarta: 13-15: 02.01

Xu Hao & Chen Ke-Ji. (2012). Complementary and Alternative Medicine: Is It Possible To Be Mainstream? *Chin J Integr Med*. 18(6), 403-404.